



PMY Newsletter



UNTUK AHLI-AHLI DAN PENGEDARAN TERHAD SAHAJA

JANUARI • FEBRUARI • MAC 2004

MENGIMBAS KEMBALI TAHUN 2003...



KEM REMAJA/BELIA ISTIMEWA
14-16 Mac 2003



KURSUS GURU BAHASA ISYARAT
29-30 Mac 2003



"WORLD PLAY DAY"
31 Mei 2003



**AKTIVITI MENYELAM
UNTUK ORANG PEKAK**
15-19 June 2003



PESTA PEKAK II
13-14 September 2003



**KEM PENDIDIKAN SEKSUAL UNTUK
REMAJA PEKAK**
6-8 Disember 2003



**MAJLIS MAKAN MALAM
ULANGTAHUN KE-30 KELAB PEKAK**
13 December 2003

PUSAT MAJUDIRI Y FOR THE DEAF

c/o YMCA Kuala Lumpur, 95 Jalan Padang Belia, off Jalan Tun Sambathan, 50470 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel: 03-2274 1439 Fax: 03-2274 0559 SMS: 013-390 2300 URL: <http://www.ymcakl.com/pmy/>
Email: pmy@ymcakl.com (Lucy); pmy_prog@ymcakl.com (Jessica); pmy_admin@ymcakl.com (Morley)

FORUM TERBUKA UNTUK BELIA PEKAK

Hari : Setiap Hari Khamis
Masa : 7.00 ~ 8.00 mlm
Tempat : YMCA Kuala Lumpur

Forum terbuka akan diadakan mulai dari 29 Januari 2004, setiap hari Khamis, masa 7.00 hingga 8.00 malam di YMCA Kuala Lumpur. Tujuannya ialah untuk membangkitkan kesedaran, prihatin dan kefahaman di kalangan orang Pekak tentang isu-isu yang kita hadapi harian. Bukan itu saja, ia juga memberi belia-belie Pekak memahami diri dan membantu komuniti Pekak di Malaysia. Sesiapa yang berminat, sila hubungi Cik Jessica Mak untuk maklumat lanjut.

SUKAN DAN REKREASI DC



Sukan dan rekreasi merupakan satu aktiviti yang diminati oleh kebanyakan belia Pekak. Sukan dan rekreasi DC akan diadakan semula selepas Tahun Baru Cina. Permainan bola tampar, bola keranjang, bola jaring dan bola sepak boleh diadakan jikalau ada permintaan. Lain-lain permainan seperti catur, karrum dan sebagainya juga boleh diadakan jikalau ada minat. Sukan dan rekreasi DC akan diadakan setiap hari Ahad jam 5 petang hingga 7 malam, bermula pada 15 Februari 2004. Sila hubungi AJK DC untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.

JAMUAN PENGHARGAAN DAN HARI AHLI DC

Tarikh : 29 Februari 2004 (Ahad)
Masa : 3 petang
Tempat : YMCA Kuala Lumpur



Semua ahli-ahli DC adalah dijemput ke Jamuan Hari Ahli DC. Pelbagai aktiviti akan diadakan seperti permainan, persembahan, penghargaan, makan-minum dan lain-lain. Marilah datang beramai-ramai dan berjumpa kawan-kawan lama.

LATIHAN KEPIMPINAN DC

Tarikh : 20-21 Mac 2004 (Sabtu-Ahad)
Masa : 3.00-6.30 petang (20 Mac)
9.30-2.00 petang (21 Mac)
Tempat : YMCA Kuala Lumpur
Yuran : RM 30 seorang

Semua ahli-ahli DC adalah digalakkan menyertai latihan kepimpinan DC. Tujuannya memupuk unsur-unsur kepimpinan seperti keyakinan diri, kecekapan, bekerja secara kumpulan, pembahagian masa dan tanggungjawab telah dilaksanakan.

Tarikh tutup untuk berdaftar: **29 Februari 2004**

BERITA BAIK UNTUK AHLI-AHLI WANITA DC!!

Program-program dan bengkel-bengkel seperti isu-isu wanita, kesihatan, penderaan, hak wanita dan sebagainya yang berkaitan dengan wanita akan diadakan mulai dari bulan Mac 2004. Berikut senarai program-program untuk ahli-ahli wanita sepanjang tahun 2004 di bawah:-

Mac	Perbincangan: "Isu-isu Wanita Pekak"
April	Bengkel: "Keseksualan & Gangguan Seksual"
Mei	Parti Sambutan Hari Ibu
Jun	Bengkel: "Kesihatan Wanita"
Julai	Bengkel & Perbincangan: "Hak Asasi Wanita"
Ogos	Kursus Menguasai Wanita Pekak (Bahagian Malaysia Tengah)
September	Perayaan Malam Wanita
Oktober	Aktiviti: "Seni Mempertahankan Diri"
November	Bengkel: "Nilai Manusia-Wanita" Kursus Menguasai Wanita Pekak (Bahagian Malaysia Utara)
Disember	Bengkel: "Peranan Isteri dan Ibu Pekak"

Semua ahli-ahli wanita dari Kelab Remaja Pekak, Kelab Sahabat Orang Pekak dan Kumpulan Sokong Ibulubapa dijemput hadir sama.

AKTIVITI MENYELAM DC

Tujuan:

- ☞ Belajar menyelam sebagai satu aktiviti sukan/rekreasi yang sihat dan berfaedah.
- ☞ Mendapat sijil menyelam.
- ☞ Menghayati keindahan dunia di bawah air.



Tarikh : 30 April ~ 5 Mei 2004 (5 hari/4 malam)
- Bertolak dari KL pada waktu malam (30 April)
- Bertolak dari P. Tioman selepas makan tengahari (5 Mei)

Tempat : Pulau Tioman, Pahang

Kategori A

Untuk ahli-ahli yang berminat untuk belajar cara menyelam.

Yuran : RM1,100 seorang (termasuk kursus menyelam, sijil menyelam, pengangkutan, tempat penginapan, makanan, insurans, dan perkhidmatan jurubahasa isyarat)

Kategori B

Untuk ahli-ahli yang mempunyai sijil menyelam.

Yuran : RM 450 seorang (termasuk pengangkutan, tempat penginapan, makanan, insurans dan perkhidmatan jurubahasa isyarat)

Borang pendaftaran boleh didapati di PMY.

Tarikh tutup untuk berdaftar: **31 Mac 2004**

KEM KEPIMPINAN REMAJA DTC

- Tarikh : 15-17 Mac 2004 (Isnin-Rabu)
 Tempat : Nur Lembah Pangsun-Training & Eco Resort, Hulu Langat
 Yuran : RM50 ahli
 RM60 bukan ahli
 Untuk : Remaja Pekak yang berumur di antara 13 tahun dan 19 tahun
 Tujuan : • Untuk membina sikap kepimpinan di kalangan remaja Pekak
 • Untuk menjalinkan tali persahabatan di kalangan remaja Pekak

Aktiviti-aktiviti termasuk:

- sesi-sesi dan aktiviti-aktiviti kepimpinan
- aktiviti-aktiviti yang mencabarkan



Borang pendaftaran boleh didapati di PMY.
 Tarikh tutup ialah 15 Februari 2004.

SESI-SESI KELAB SAHABAT ORANG PEKAK (FOD)

Tujuan:

- Untuk melatih berisyarat selepas mengikuti kelas Bahasa Isyarat
- Untuk menjalinkan tali persahabatan di kalangan ahli-ahli FOD
- Mengenal tentang kepekakan dan bahasa isyarat

Aktiviti FOD: Hari Khamis yang pertama
 6.45 ~ 8.00 malam

Bengkel FOD: Ahad (sekali sebulan)
 3.00 ~ 5.00 petang

Tempat: YMCA, Kuala Lumpur.

Aktiviti-aktiviti termasuk:

- permainan
- pergaulan
- belajar isyarat-isyarat baru

Marilah datang beramai-ramai untuk meningkatkan kemahiran bahasa isyarat kamu.



PROGRAM-PROGRAM PSG

Semua program untuk ahli-ahli PSG akan dimulakan dalam bulan Februari 2004.

Kelas Bahasa Inggeris; Setiap hari Selasa, 10.30-11.30 pg;
 RM5 seorang setiap bulan

Kelas Bahasa Isyarat; Setiap hari Rabu, 10.30-11.30 pg;
 RM20 seorang setiap bulan

Bengkel PSG; Setiap hari Ahad (sekali sebulan);
 3.00-5.00 pagi

LAWATAN SAMBIL BELAJAR DKC (Musim cuti sekolah)

- Tarikh : 18 Mac 2004 (Khamis)
 Masa : 9.00pg ~ 5.00 ptg
 (Berkumpul di YMCA, 9.00pg)
 Tempat : Ostrich Wonderland, Semenyih
 Untuk : 1) Kanak-kanak Pekak
 2) Kanak-kanak kepada orang Pekak
 3) Adik-beradik kepada budak Pekak
 Umur : 7 tahun dan 12 tahun.
 Yuran : RM20 (No. 1 & 2)
 RM30 (No. 3)



Borang pendaftaran boleh didapati di PMY.
 Tarikh tutup ialah 20 Februari 2004.

PROGRAM SOKONG PENDIDIKAN

Program Sokong Pendidikan PMY (ESP) akan diteruskan semula pada Februari 2004 selepas cuti sekolah yang panjang.

Program Ibumapa dan Anak (PIP)

Untuk kanak-kanak Pekak yang berumur 6 bulan hingga 3 tahun.

Yuran: RM20 per sesi (di pusat)/RM40 per sesi (di rumah)

Sesi: Satu jam dalam seminggu

Cara: Satu dengan Satu

Program Pra-Sekolah (PSP) mulai dari 5 Januari 2004

Untuk kanak-kanak Pekak yang berumur 4 hingga 6 tahun.

Yuran: RM60 setiap bulan

Kelas: Hari Isnin-Jumaat, 9.30pagi-12.00tengahari
 Sekurang-kurangnya 5 orang dalam satu kelas.

Program Perkembangan Kanak-kanak Pekak (DCD)

Untuk kanak-kanak Pekak pada peringkat sekolah rendah.

Yuran: RM60 setiap bulan

Kelas: Dua jam, dua kali seminggu

Sekurang-kurangnya 5 orang dalam satu kelas.

Program Perkembangan Remaja Pekak (DTP)

Untuk remaja Pekak pada peringkat sekolah menengah.

Yuran: RM30 setiap mata pelajaran setiap bulan

Kelas: Dua jam, sekali seminggu bagi setiap mata pelajaran
 Sekurang-kurangnya 5 orang dalam satu kelas.

Program Membaca dan Menulis (RWP)

Untuk kanak-kanak dan remaja Pekak yang ingin menguasai kemahiran membaca dan menulis.

Yuran: RM10 setiap sesi

Sesi: Satu jam setiap sesi

Cara: Satu dengan Satu



Sesiapa yang ingin turut serta dalam salah satu program yang disenaraikan di bawah ini, sila berdaftar awal supaya dapat elakkan sebarang kekecewaan.

MAJLIS MENYAMBUT TAHUN BARU CINA PMY

Ucapan "Kong Hee Fatt Choy" kepada semua ahli dan keluarga yang berketurunan Cina. Marilah turut serta dalam majlis menyambut Tahun Baru Cina PMY. Pelbagai aktiviti termasuk pergaulan, makanan, tarian singa dan sebagainya.

Tarikh : 8 Februari 2004 (Ahad)
Masa : 3 petang ~ 5 petang
Tempat : YMCA Kuala Lumpur



Semua dijemput hadir ke majlis menyambut Tahun Baru Cina. Marilah datang beramai-ramai dan bersembang dengan kawan-kawan lama.

Perhatian: Semua yang berketurunan Cina, sila bawa makanan Tahun Baru Cina untuk berkongsi bersama-sama.

KEM BELIA/REMAJA ISTIMEWA "Special Youth Camp"

(Masalah Pembelajaran, Epileptik, Downs Sindrom & Pekak)

Tarikh : 29-31 Mei 2004 (Sabtu-Isnin)
Tempat : Tekam Plantation Resort, Pahang
Yuran : RM50 seorang

Kem ini bertujuan memberi peluang yang amat unik kepada belia-belia yang berkeperluan khas itu untuk berkongsi, bekerjasama, membantu satu sama lain membentuk dan memupuk perasaan bangga diri, keyakinan diri, azam diri dan berdikari.

Pelbagai program dirancangkan untuk mencapai tujuan-tujuan tersebut - permainan kemahiran interaktif, kegiatan rekreasi berkumpulan, kegiatan alam sekitar dan alam semulajadi, kursus halangan dan kegiatan air.

Borang pendaftaran boleh didapati di PMY.
Tarikh tutup untuk berdaftar: **15 April 2004**

YMCA TOY LIBRARY FOR CHILDREN WITH SPECIAL NEEDS



We are pleased to inform you that the Toy Library is back in operation. The newly renovated premises provide a very conducive environment for children to participate in its various programmes & activities. Various exciting programmes will be carried out. Be a Toy Library member today!

Enquiries please contact Ms. Deep at tel 03-2274 1439 or email child@ymcakl.com.

SEMINAR PEKERJAAN BAGI BELIA-BELIA PEKAK 3-4 APRIL 2004

Objektif:

- Untuk menambahkan pengetahuan tentang isu-isu pekerjaan
- Untuk memberi kesedaran belia-belia Pekak dan penggunaan hak bagi masa depan
- Untuk memupuk semangat memajukan diri dalam pekerjaan masing-masing

Untuk Siapa : Belia-belia Pekak

Aktiviti : • Bengkel/Seminar;
• Aktiviti Kumpulan; dan lain-lain
(5 Sesi; 2 jam setiap sesi)

Tarikh : 3-4 April 2004 (Sabtu-Ahad)
Tempat : YMCA Kuala Lumpur
Yuran Penyertaan : RM 40 ahli
RM 60 bukan Ahli

Pendaftaran terhad kepada 30 orang sahaja. Borang pendaftaran boleh didapati di PMY. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Cik Jessica Mak.
Tarikh Tutup Pendaftaran: **15 Mac 2004**

LAWATAN KE NEPAL UNTUK AHLI-AHLI PEKAK SAHAJA 6-16 November 2004 (11 hari)



Program A Mengembara & Melawat

Program ini akan merangkumi lawatan ke tempat-tempat yang menarik di Kathmandu & Pokhara, lawatan ke organisasi & sekolah Pekak. Aktiviti kemuncak adalah mengembara selama 5 hari dan 4 malam ke Ghorepani/Poon Hill di mana pemandangan Annarpurna Range dapat dilihat.

Bayaran: RM 3,250 (termasuk bayaran tiket kapalterbang, penginapan, makanan, visa, pengangkutan ke tempat-tempat yang menarik)

Program B Lawatan ke Tempat yang Menarik

Program ini akan merangkumi lawatan ke tempat-tempat yang menarik di Kathmandu, Pokhara, Nagrakot dan Chitwan National Park. Pemandangan ke Mount Everest dengan menaiki kapalterbang (1 jam) juga akan diaturkan.

Bayaran: RM 3,600 (termasuk bayaran tiket kapalterbang, penginapan, makanan, visa, pengangkutan ke tempat-tempat yang menarik)

Kepada yang berminat sila hubungi PMY untuk subsidi.

The foundation is recently put into action to meet the needs of the Deaf and the public today as well as to prepare for tomorrow.

Its aims · To promote sign language by conducting courses, training teachers and interpreters, and doing research and development on language.

- To promote knowledge and skill training among the Deaf as well as the public who work with the Deaf.
- To raise fund for scholarship to assist Deaf students and assistance to Pusat Majudiri Y for the Deaf.

At present, the Foundation is conducting sign language courses. Later the foundation will expand its programmes from time to time. Your full support will be appreciated.

COMMUNITY SIGN LANGUAGE COURSES FOR ADULTS

In recent years, the YMCA sign language courses have shown an amazing growth in popularity. Many individuals of all ages and occupations are discovering that the study of sign language can be a fascinating and rewarding adventure.

You too can take up any of our sign language courses. The course also provides you with an insight on Deaf People and their culture. We also carry-out in house training for groups/companies who are keen to take up these courses in their premises.

The courses offered are:

Combined Courses:

- * **Visual Gesture Communication (VGC) and Basic**; Fee RM250 includes text book for 15 sessions; 1 1/2 hours each; twice a week; 10-15 students.

Sign Language Courses:

- * **Level 1**; Fee RM200 for 15 sessions; 2 hours each; once a week; 10-15 students
- * **Level 2**; Fee RM220 for 15 sessions; 2 hours each; once a week; 10-15 students
- * **Level 3**; Fee RM250 for 15 sessions; 2 hours each; once a week; 10-15 students

The new courses for YMCA members will commence on:

Sign Language Combination: VGC and Basic; 15 sessions; 1 1/2 hours per session.

Date of commencement:	1) 7 February 2004 Every Saturday 3.00pm-4.30pm	2) 9 February 2004 Every Mon & Wed 7.00pm-8.30pm	3) 10 February 2004 Every Tue & Thur 7.00pm-8.30pm
-----------------------	--	---	---

Level 1; 15 sessions; 2 hours per session

Date of commencement: **3rd week of February 2004** (Mon/Tue/Wed/Thur); 7.00pm-9.00pm

Level 2; 15 sessions; 2 hours per session

Date of commencement: **25 February 2004** (Every Wednesday); 7.00pm-9.00pm

Level 3; 15 sessions; 2 hours per session

Date of commencement: **1 March 2004** (Every Monday); 7.00pm-9.00pm

BIM ANALYSIS CLASS FOR DEAF ADULTS

Objectives:

1. To appreciate BIM as a true language for the Deaf.
2. To study and understand BIM's structure & grammar formally.

Commence Date : 27 January 2004 (Every Tues)

Fee : RM150 for members
(exclude materials, etc)

Duration : 20 sessions; 2 hours per session;

Time : 7.00pm ~ 9.00pm (once a week)

Limit to 20 Deaf persons.

Registration form can be obtained from Majudiri Y Foundation. For more information, please contact Ms. Ho. Koon Wei at fax 03-2274 0559 or email: majudiri@ymcakl.com

24TH INTERNATIONAL YOUTH CAMP FOR THE DEAF

TAIPEI, TAIWAN
YEAR 2004



Date: 29 July-6 August 2004 (9 days)
Age of Campers: 16-25 years old (Deaf only)

Highlights

- ▲ Camp activities
- ▲ Cultural Exchange Programme
- ▲ Trip to Places of Interest in Taiwan

Registration Fee: US\$350.00-US\$380.00
(exclude flight ticket)

All members of DTC/DC are encouraged to apply. Subsidies will be given to successful participants. All forms to be submitted by **15 April 2004**.

BERITA DARI DC

Mesyuarat Tahunan Agung Kelab Pekak kita telah diadakan pada 7 Disember 2003. Seramai 42 orang ahli telah menghadiri mesyuarat tersebut. Mesyuarat ini telah mengisytiharkan jawatan AJK Kelab Pekak 2003 disandang oleh AJK Kelab Pekak kita baru seperti berikut di bawah:-

JAWATANKUASA DC YMCA KL TAHUN 2004



Pengerusi : Salina Tan See Ling
 N. Pengerusi: Anthony Chong Vee Yee
 Setiausaha : Magesvari a/p Rajanayadu
 Bendahari : Ricky Khor Fook Hoong

BERITA DARI DTC

Kelab Remaja Pekak telah mengadakan Mesyuarat Tahunan Agung pada 13 Disember 2003. Ahli-ahli telah membuat sebulat suara dan melantik AJK DTC yang baru seperti berikut di bawah:-

JAWATANKUASA DTC YMCA KL TAHUN 2004

Pengerusi : Farah Nadhirah Kordy
 Setiausaha : Mohd Farhan Kamarzaman
 Bendahari : Henry Foo Kar Mun
 AJK : Yee Ke Xin Liew Tim Choy
 Eng Foong Mei Chai Wei Xiong
 Esther Wong Sara Tan Wai Yee

KEM PENDIDIKAN SEKSUAL UNTUK REMAJA PEKAK

Kem pendidikan seksual untuk remaja Pekak telah diadakan dari 6 hingga 8 Disember 2003 di Dusun Eco-Resort, Karak. Seramai 35 remaja Pekak dari Penang dan sekolah-sekolah Pekak di Kuala Lumpur dan Selangor telah turut hadir. Sesi ini difasilitasi oleh Pertubuhan Pelindung dan Penyelamat Kanak-kanak Selangor dan Kuala Lumpur dan kakitangan serta ahli sukarelawan dari Pusat Majudiri Y.



Sesi pertama tentang reproduktif seksual telah disampaikan oleh Dr.Nazrila dari Kementerian Kesihatan Malaysia. Sesi ini telah membuka dan meluaskan fikiran saya yang sempit dan naif. Selain daripada itu terdapat beberapa bengkel berjudul "Apakah itu Seksual?", "Perhubungan & Komunikasi", "Deraan Seksual", "Bagaimana Membuat Keputusan dan Tekanan", "Seni Mempertahankan Diri" dan lain-lain turut diadakan. Ia membantu saya dan lain-lain memahami tentang pendidikan seksual dan cara menjaga diri saya. Pelbagai maklumat dan petua yang amat berguna telah diperolehi daripada kem tersebut. Misalnya bagaimana mahu mempertahankan hak dan diri kita. Pelbagai aktiviti melalui permainan telah diadakan yang membuat kita seronok belajar tanpa merasai bosan.

Biarpun kesemuaan sesi ini mengambil kira-kira 16 jam (3 hari) tetapi ia amat menarik dan memberi faedah yang banyak kepada para peserta. Terdapat pelbagai aktiviti



seperti persembahan, permainan, dan lain-lain yang mencabarkan dan juga aktiviti kumpulan di adakan. Ini membuatkan kita berasa ingin belajar dan bertukar fikiran dan pendapat di antara satu dengan lain. Kami tidak berasa bosan langsung maka pergaulan kami menjadi lebih mesra.

Sungguh tidak sangka kem tersebut amat seronok dan boleh memberikan kepuasan yang tinggi. Sekiranya ada peluang, saya akan menyertainya lagi. Tidak sabar tunggu saat peluang itu tiba. Terima kasih.

Haw Ching Cher



SENARAI AKTIVITI-AKTIVITI SEPANJANG FEBRUARI-MAC 2004

TARIKH	MASA	TEMPAT	AKTIVITI	UNTUK SIAPA	KETERANGAN
FEBRUARI					
05 Feb	6.45-8.00mlm	YMCA	FOD Sesi: "Gathering & Planning for 2004 Programmes"	FOD	Bertemu semula dan merancang program untuk tahun 2004.
08 Feb	3.00-5.00ptg	YMCA	PMY Jamuan Tahun Baru Cina	Semua	Lihat mukasurat 4 untuk maklumat lanjut.
14 Feb	9.00pg-12.00th	YMCA	DTC Bengkel: HIV/AIDS & Remaja	DTC	Mempelajari mengenai HIV/AIDS.
15 Feb	3.00-5.00ptg	YMCA	DC Bengkel: "Penjagaan Kulit Kita" oleh RC Labelle Marketing Sdn Bhd	DTC	Belajar tentang penjagaan kulit kita.
22 Feb	3.00-5.00ptg	YMCA	FOD/PSG Bengkel: "Understanding Deaf World"	FOD	Mempelajari tentang Dunia Pekak..
29 Feb	3.00-5.00ptg	YMCA	DC Jamuan Perhargaan dan Hari Ahli	DC	Lihat mukasurat 2 untuk maklumat lanjut.
MAC					
04 Mac	6.45-8.00mlm	YMCA	FOD Sesi: "Storytelling by Handshape"	FOD	Datang menikmati aktiviti yang menarik.
06 Mac	9.00-6.00ptg	Di luar	"English Day" untuk Remaja/Belia Pekak oleh ICU	DC & DTC	*Akan dimaklumkan.
07 Mac	3.00-5.00ptg	YMCA	DC Perbincangan: "Budaya Pekak"	DC	Membincang isu-isu budaya Pekak.
07 Mac	7.00-10.00mlm	YMCA	PMY Pergaulan dengan Para Pelajar International Christian University (ICU), Jepun	Semua	*Akan dimaklumkan.
14 Mac	3.00-5.00ptg	YMCA	DC Sesi Wanita: "Isu-isu Wanita Pekak"	Wanita DC/DTC	Untuk ahli wanita Kelab Remaja Pekak dan Kelab Pekak saja.
15-17 Mac	--	Di luar	DTC Kem Kepimpinan Remaja	DTC	Lihat mukasurat 3 untuk maklumat lanjut.
18 Mac	9.00-4.00ptg	Semenyih	DKC Lawatan Sambil Belajar	DKC	Lihat mukasurat 3 untuk maklumat lanjut.
20-21 Mac	--	YMCA	DC Latihan Kepimpinan	DC	Lihat mukasurat 2 untuk maklumat lanjut.
21 Mac	3.00-5.00ptg	YMCA	DC Bengkel: "Empowering Deaf People"	DC	Marilah mempelajari tentang kepentingan memberi kuasa kepada Orang Pekak.
28 Mac	3.00-5.00ptg	YMCA	FOD/PSG Bengkel: "Deaf Adults as Role Model"	FOD & PSG	Orang dewasa Pekak sebagai peranan yang penting kepada kanak-kanak Pekak.

PMY = Pusat Majudiri Y

DC = Kelab Pekak (Deaf Club)

DTC = Kelab Remaja Pekak (Deaf Teens Club)

FOD = Kelab Sahabat Orang Pekak (Friends of the Deaf Club)

DKC = Kelab Kanak-Kanak Pekak (Deaf Kids Club)

PSG = Kumpulan Sokong Ibutapa (Parents Support Group)

DARI PUSAT MAJUDIRI Y

- 1) Cik Jessica Mak telah memulakan kerjayanya di PMY sejak bulan Disember 2003.
- 2) Cik Ho Koon Wei ditukarkan dari PMY ke Yayasan Majudiri Y sejak bulan Oktober 2003.
- 3) Pejabat PMY telah pindah ke ruang pejabat baru konsep terbuka.

UCAPAN SELAMAT PENGANTIN BARU

kepada

ahli Kelab Pekak kita, Law Meng Hong dan Ong Shy Huey ke atas perkahwinan mereka yang telah berlangsung pada 28 Disember 2003.



TAWARAN PEKERJAAN UNTUK BELIA PEKAK

Daftarlah dengan PMY untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pekerjaan yang ditawarkan kepada belia Pekak.

Lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pekerjaan:

- Perkhidmatan Jurubahasa Isyarat untuk temujanji.
- Cara menulis "resume".
- Petua untuk temuramah.
- Perkhidmatan kaunseling.

TERIMA KASIH

Pihak PMY mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli-ahli sukarelawan yang telah membantu kerja-kerja PMY sepanjang tahun 2003. Ucapan ini ditujukan kepada penderma-penderma yang telah membantu kami menjayakan program yang memanfaatkan komuniti orang Pekak. Tanpa sokongan ini tidak mungkin kami dapat berjaya mengendalikan program-program sepanjang tahun 2003.

Terima kasih kepada NOKIA atas pemberian telefon bimbit kepada Kelab Pekak. Telefon bimbit ini akan digunakan untuk kegunaan pejabat sahaja. Ahli-ahli boleh menghantar SMS kepada telefon bimbit PMY yang baru iaitu 013-390 2300.

KHAS UNTUK SEMUA KANAK-KANAK PEKAK DI MALAYSIA

Buku BIM yang baru berjudul "BAHASAKU" akan diterbitkan tidak lama lagi oleh Pusat Majudiri Y. Buku BIM "BAHASAKU" mengandungi lebih 200 buah isyarat dan gambar. Terdapat 3 jenis bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina untuk memudahkan keperluan para pembaca. Sesiapa yang berminat untuk mendapatkan buku, sila hubungi Pusat Majudiri Y.



Pusat Majudiri Y for the Deaf
95 Jln Padang Belia, off Jln Tun Sambathan, 50470 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2274 1439 Fax: 03-2274 0559 SMS: 013-390 2300
Email: pmy_prog@ymcakl.com URL: www.ymcakl.com/pmy/